



INFORMASI PERHUTANAN OLEH FRIM  
Oleh Suhaida Mustafa dan Hamidah Mamat



Hutan Lipur Sungai Tekala terletak di kawasan Hutan Simpan Sungai Lalang, daerah Kajang, Selangor, iaitu 13 km dari bandar Semenyih dan 43 km dari Kuala Lumpur. Keluasan kawasan ini melebihi dua setengah ekar. Ada tujuh tingkat air terjun yang mengalir dari puncak hingga kawasan rendah di bahagian bawahnya. Hutan Lipur Sungai Tekala diwartakan oleh Kerajaan Selangor sebagai kawasan tadahan air. Hal ini dilakukan supaya sumber air bersih dapat dimanfaatkan oleh rakyat.



Buah beserta daun *Vatica yeechongii*.

Di samping itu, Hutan Lipur Sungai Tekala juga dikenali sebagai Taman Warisan Negeri Selangor. Hutan ini termasuk dalam kumpulan hutan dipterokarpa pamah, iaitu hutan yang wujud pada ketinggian tidak melebihi 300 meter daripada aras laut dan mempunyai bilangan pokok yang padat.

Ada pelbagai spesies tumbuhan di kawasan ini yang terdiri daripada pelbagai keluarga serta menghiasi landskap hutan lipur ini. Antaranya termasuklah spesies kasai, kedondong, medang, kelat, mahang, merbau, ara, gapis, merbau, leban, bayur bukit, penarahan, merawan, meranti, keruing dan resak.

Antara spesies pokok yang ditemukan di kawasan hutan rekreasi ini, ada satu tumbuhan yang unik dan sangat menarik menghiasi landskapnya. Tumbuhan ini ialah *Vatica yeechongii*, yang berada dalam keluarga Dipterokarpa.

*V. yeechongii* ialah spesies yang baharu ditemukan dan dinamakan sempena nama orang yang menemukannya, iaitu mendiang Chan Yee Chong. Beliau ialah pembantu penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Spesies baharu ini ditemukan pada tahun 2002 di kawasan Hutan Lipur Sungai Tekala.

# *Vatica yeechongii* Spesies Terancam





Bunga *Vatica yeechongii*.

Spesies ini tidak mempunyai nama tempatan.

Ciri penting *Vatica yeechongii* ialah saiznya kecil dan dapat mencapai ketinggian antara 15 hingga 18m. Tumbuhan ini tidak berbanir, mempunyai batang bergelang dan licin. Warna kulit pokok tumbuhan ini cerah putih kekelabuan.

Pengecaman spesies ini dilakukan menerusi daun dan buah. Daun tumbuhan ini panjang dan besar.

Buah tumbuhan ini tidak bersayap, seperti spesies lain dalam keluarga Dipterokarpa. Ada lima kaliks berwarna coklat kemerah-merahan atau hijau kemerah-merahan untuk melindungi biji buah yang ada di dalamnya. Bunga *Vatica yeechongii* mempunyai lima kelopak berwarna putih kekuning-kuningan dan mengeluarkan bau yang harum apabila berkembang.

*Vatica yeechongii* ditemukan hidup subur berhampiran dengan kawasan



tebing sungai yang ada di kawasan hutan lipur ini. Walau bagaimanapun, bilangan pokok yang mempunyai saiz diameter pada paras dada (DBH) yang melebihi dua sentimeter, kurang daripada 10 batang pokok.


Selain Hutan Lipur Sungai Tekala, spesies ini turut direkodkan di Hutan Simpan Setul, Negeri Sembilan. Di Hutan Simpan Setul pula, ada kurang daripada 20 batang pokok yang mempunyai saiz DBH melebihi dua sentimeter ditemukan di kawasan ini.

Berdasarkan buku Malaysia Plant Red List-Peninsular Malaysia



Lokasi *Vatica yeechongii* berdekatan dengan sungai.





Batang *Vatica yeechongii*.

Dipterocarpaceae, spesies *Vatica yeechongii* ini dikategorikan sebagai sangat terancam. Hal ini dikatakan demikian kerana populasinya kecil dan diancam oleh perubahan guna tanah.

Bagi populasi yang ada di Hutan Simpan Setul, ancaman wujud kerana populasinya terletak bersebelahan dengan jalan raya utama dari Mantin ke Seremban. Situasi ini agak membimbangkan kerana mungkin jalan dilebarkan bagi menampung aliran trafik dan bilangan kenderaan yang makin meningkat saban hari.

Selain menjadi penyeri landskap di Hutan Lipur Sungai Tekala, spesies ini turut membantu mengelakkan hakisan sungai serta memastikan kualiti air, bersih. Buah yang terhasil turut dijadikan sebagai sumber makanan bagi hidupan fauna, seperti tupai dan monyet.


Walaupun dari segi fizikalnya spesies *Vatica yeechongii* tidak mempunyai sebarang nilai ekonomi kerana saiz kayu yang kecil, kehadiran spesies ini memberikan keseimbangan




Peta taburan *Vatica yeechongii*.

ekologi kepada semua hidupan yang ada di kawasan ini. Tumbuhan ini mempunyai nilai saintifik yang tinggi kerana baru direkodkan.

Oleh hal yang demikian, atas usaha FRIM dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, tumbuhan ini dilindungi dengan pelbagai cara. Antaranya termasuklah menerusi kajian fenologi pembuangan dan pembuangan serta pemuliharaan secara ex-situ. Pemuliharaan ini dilakukan dengan cara mengutip biji benih dan anak liar tumbuhan ini untuk disemai di tapak semaian, taman botani atau arboretum.

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan pula tidak ketinggalan apabila mengambil inisiatif menukarkan status kawasan populasi ini di Hutan Simpan Setul sebagai hutan yang tinggi nilai pemuliharaannya (HCVF). Tindakan pemuliharaan ini dilakukan supaya spesies ini dipastikan terus kekal dinikmati oleh generasi akan datang. 

 Penulis Penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).